

Dr. M cabar Anwar bersumpah

Oleh ZABRY MOHAMAD
zabrymohamad.madzlan@utusangroup.com.my

TASEK GELUGOR 17 Dis. - Tun Dr. Mahathir Mohamad mencabar Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersumpah dengan memegang al-Quran bagi membuktikan bekas Perdana Menteri itu pernah menulis surat kepada Bank Duma untuk meminta bantuan semasa krisis kewangan pada 1999 seperti yang didakwa.

Dr. Mahathir berkata, beliau tidak pernah berbuat demikian sebaliknya menolak permintaan daripada Bank Dunia yang datang untuk menawarkan bantuan.

"Saya minta dia (Anwar) tunjukkan surat itu kalau ada. Saya yang menolak semasa wakil Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) datang nak tawarkan bantuan dana.

"Saya nak suruh dia bersumpah menjunjung al-Quran bersama saya jika benar saya menulis surat itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis Multaqa Wedatul Ummah Ketiga anjuran Persatuan Kariah-Kariah Masjid Negeri Pulau Pinang di sini hari ini.

Hadir sama Yang Dipertua Persatuan Kariah-Kariah Masjid Negeri Pulau Pinang, Datuk Seri Mohd. Yusoff Latiff.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop memberitahu, beliau ada bersama Dr. Mahathir ketika wakil IMF tersebut datang menemui mereka.

"Tun (Dr. Mahathir) menghalau mereka keluar dari pejabatnya," katanya yang ketika itu merupakan Timbalan Gabenor Bank Negara.

Laman portal propembangkang semalam melaporkan, kelmarin ketika berucap pada majlis makan malam membincangkan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang turut dihadiri wakil kedutaan asing, Anwar mendakwa Dr. Mahathir ada menulis kepada Bank Dunia untuk bantuan dana semasa krisis kewangan 1999.

Anwar berkata, pada tahun 1993, beliau juga pernah menulis kepada Bank Dunia atas kapasitinya sebagai menteri kewangan ketika itu untuk menolak bantuan kewangan.

Katanya, walaupun beliau mepengerusikan jawatankuasa pembangunan IMF dan Bank Dunia, beliau berpendapat Malaysia tidak memerlukan dana itu.

Bagaimanapun, dakwanya lagi, pada 1999, Mahathir menulis kembali kepada Presiden Bank Dunia dan merayu untuk dana dan pinjaman.



DR. MAHATHIR Mohamad bersalaman dengan orang ramai selepas majlis perasmian Multaqa Wedatul Ummah di Tasek Gelugor, Pulau Pinang.

Melayu berpecah kerana berbeza fahaman politik

TASEK GELUGOR 17 Dis. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sedih kerana orang Melayu terus berpecah akibat berbeza fahaman politik.

Menurutnya, perkara itu tidak sepatutnya berlaku kerana orang Islam di negara ini mengikut fahaman yang sama iaitu Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Jelas beliau, berbeza dengan negara-negara lain terutama di Asia Barat, orang Islam

di sana mengamalkan fahaman berbeza seperti Syiah.

"Kita semua beriman kepada Imam Shafie, tidak patut ada perpecahan. Tapi kita berpecah bukan kerana agama sebaliknya fahaman politik.

"Politik ini bila digunakan dalam agama, maka timbul bermacam-macam perbuatan bercanggah dengan ajaran Islam termasuk sembahyang dua imam, tidak boleh tanam

satu kubur, kahwin dengan orang ini atau itu tidak boleh.

"Sepatutnya orang Islam bersatu-padu. Politik sebegini merugikan orang Melayu," katanya yang juga Yang Dipertua Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim).

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis Multaqa Wedatul Ummah Ketiga anjuran Persatuan Kariah-Kariah Masjid Negeri Pulau Pinang di sini hari ini.

Hadir sama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Yang Dipertua Persatuan Kariah-Kariah Masjid Negeri Pulau Pinang, Datuk Seri Mohd. Yusoff Latiff.

Dr. Mahathir menambah, keadaan itu menyebabkan orang Melayu kini menjadi kaum minoriti di bumi sendiri berikutan telah terbahagi kepada tiga kumpulan mengikut parti masing-masing iaitu UMNO,

Pas dan Parti Keadilan Rakyat (PKR).

Akibatnya, jelas beliau, orang Melayu terpaksa meminta belas ihsan daripada parti lain yang dikuasai bukan Islam untuk menang pilihan raya.

"Semasa zaman pemerintahan British dulu, orang Melayu bersatu dalam UMNO menentang Malayan Union hingga negara merdeka.

"Namun, sekarang kita berlawan sesama sendiri," ujarnya.